

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 FEBRUARI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19

Ekonomi negara catat pertumbuhan sederhana tahun lalu: DOSM

Ekonomi negara catat pertumbuhan sederhana tahun lalu: DOSM

Kuala Lumpur: Prestasi ekonomi Malaysia pada 2023 adalah seiring dengan negara Asean lain yang menunjukkan pertumbuhan sederhana pada tahun itu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

DOSM menjelaskan, Singapura berkembang 1.1 peratus berbanding 3.8 peratus pada 2022, Indonesia mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus, berbanding 5.3 peratus tahun sebelumnya, manakala Filipina pada 5.6 peratus berbanding 7.6 peratus pada 2022.

"Negara maju lain turut mencatatkan pertumbuhan sederhana seperti Korea Selatan 1.4 peratus (2022: 2.6 peratus) dan United Kingdom pada 0.1

peratus (2022: 4.3 peratus).

"Bagaimanapun, China terus berkembang pada 5.2 peratus berbanding 3.0 peratus pada 2022 dan Amerika Syarikat meningkat 2.5 peratus berbanding 1.9 peratus pada 2022," menuрутnya dalam kenyataan mengenai Prestasi Ekonomi Malaysia Pada Suku Tahun Keempat 2023 yang dikeluarkan pada Jumaat.

Prestasi ekonomi Malaysia meningkat kepada 3.7 peratus pada 2023 berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya dipacu oleh sektor perkhidmatan

dengan pertumbuhan 5.3 peratus, diikuti sektor pembinaan (6.1 peratus) dan pembuatan (0.7 peratus).

DOSM memaklumkan bahawa sektor pembuatan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan berikutnya asas yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya dan permintaan luaran global yang lemah.

Dari segi permintaan dalam ekonomi, pertumbuhan dipacu oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau perbelanjaan isi rumah yang meningkat sebanyak 4.7 peratus, di-

ikuti oleh pembentukan modal tetap kasar (PMTK) pada 5.5 peratus, dan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan sebanyak 3.9 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau perbelanjaan isi rumah, yang menyumbang 58.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berkembang sebanyak 4.2 peratus pada suku keempat, disokong oleh peningkatan perbelanjaan dalam pengangkutan (10.1 peratus), makanan dan minuman bukan alkohol (5.9 peratus) serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (5.6 peratus). .

“
Negara maju lain turut mencatatkan pertumbuhan sederhana
DOSM